



## SIARAN MEDIA

### JOM KEMPEN DERMA DARAH 2019

Jom Kempen Derma Darah 2019 anjuran MPS dengan Anulae Cawangan MPS dan Pusat Darah Negara (PDN) akan diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Penguatkuasa MPS kali ke-37. Kempen ini akan diadakan pada 31 Julai 2019, di Lobi Menara MPS pada jam 8.00 pagi hingga 2.30 petang.

Kempen ini yang merupakan acara tahunan adalah memberi peluang kepada orang ramai untuk membantu pembekalan darah mencukupi untuk tabung Pusat Darah Negara.

Sehubungan dengan itu, MPS amat menggalakkan orang ramai dan golongan belia untuk tampil menderma darah bagi membantu PDN di seluruh Malaysia bagi meningkatkan bekalan darah secara berterusan. MPS menyeru agar orang ramai dapat bersama-sama menjalankan tanggungjawab sosial ini kerana satu beg darah dapat menyelamatkan tiga nyawa malah memberi kebaikan terhadap kesihatan para penderma darah.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 29 Julai 2019